

LTAT nilai semula pelan transformasi strategik

Tetapkan sasaran jangka panjang penggunaan modal, pelbagaikan portfolio pelaburan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan menyemak dan menilai semula strategi untuk menyempurnakan pelan transformasi strategik lima tahunnya.

Ia susulan tamatnya tarikh akhir cadangan untuk menjadikan Boustead Holdings Bhd sebagai sebuah syarikat persendirian pada 2 Februari lalu yang menyaksikan rancangan itu tidak menjadi kenyataan.

LTAT dalam satu kenyataan berkata, ia kekal utuh meneruskan perjalanan transformasi ke arah menjadi dana persaraan yang berkelas dunia.

"Sejajar dengan objektif persaraan pencarum kami, LTAT kekal dengan sifatnya sebagai pelabur jangka panjang dan pelindung modal, justeru kami tidak akan teragak-agak untuk bertindak bijak dalam melaksanakan strategi pelaburan," katanya.

Mengulas lanjut, LTAT berkata, fokusnya ketika ini adalah melaksanakan kerangka peruntukan aset strategik (SAA) yang dimuktamadkan akhir tahun lalu.

Ia berkata, kerangka itu menetapkan sasaran jangka panjang LTAT untuk menggunakan modal ke arah kepelbagaian portfolio pelaburan yang lebih baik.

"Dalam hal ini, LTAT berhasrat untuk mengimbangi semula portfolio dengan meningkatkan pelaburan pendapatan tetap (20 peratus), mengurangkan pendeda-



LTAT kekal utuh meneruskan perjalanan transformasi ke arah menjadi dana persaraan yang berkelas dunia. (Foto hiasan)

han ekuiti harta tanah dan swasta (masing-masing 10 peratus), meningkatkan kepelbagaian portfolio ekuiti awamnya (50 peratus) dan selebihnya pula dalam kelas aset lain termasuk instrumen pasaran wang.

"Pada tahap selanjutnya, LTAT juga bercadang melaksanakan rancangannya mempelbagaikan portfolio pada peringkat antarabangsa sebagaimana yang telah dilaksanakan institusi lain," katanya.

Menjelaskan mengenai tarikh akhir cadangan menjadikan Boustead sebagai syarikat persendirian yang sudah berakhir, LTAT berkata, ia disebabkan oleh ketidaktentuan berpunca daripada COVID-19, projek Littoral Combat Ship (LCS), perubahan kepemimpinan di LTAT dan kejelasan pelan pemulihan Boustead yang menyebabkan cadangan itu dibatalkan selepas pertimbangan dibuat selama lapan bulan.

Ia menegaskan, sebaik tarikh akhir terkini untuk mengumum-

LTAT juga bercadang melaksanakan rancangannya mempelbagaikan portfolio pada peringkat antarabangsa sebagaimana yang telah dilaksanakan institusi lain.

Kenyataan Lembaga Tabung Angkatan Tentera

kan rancangan menjadikan Boustead syarikat persendirian itu tiba, satu keputusan diambil untuk membenarkannya berakhir.

"Ini selepas mempertimbangan perubahan yang berlaku dalam pelan berkenaan yang menyaksikan peningkatan risiko ke

arah memastikan cadangan itu dapat dimuktamadkan.

"Kami melakukannya demi manfaat terbaik pihak berkepentingan LTAT, terutama pencarum iaitu warga angkatan tentera," katanya.

Mengulas lanjut, LTAT berkata, memandangkan pelaksanaan inisiatif pelan transformasi strategik akan mengambil masa beberapa tahun, ia akan terus menilai pilihan yang ada untuk membina nilai daripada pelaburan utama sedia ada.

Katanya, ini termasuk menyemak semula merit sebarang potensi proses pembinaan nilai, tertakluk kepada daya maju komersial LTAT dan Boustead, dalam ruang lingkup peraturan pengambilalihan serta kawal selia berkaitan.

"Buat masa ini, LTAT akan terus bekerjasama rapat dengan Boustead dari segi menyediakan sokongan terhadap pelan Rejuvenating Boustead serta strategi pertumbuhan masa depan," katanya.